

**UCAPAN Y. BHG. DATO' MADINAH MOHAMAD  
KETUA SETIAUSAHA MOSTI**

**PERHIMPUNAN BULANAN JANUARI 2012**

**ASSALAMMUALAIKUM, SALAM SEJAHTERA, SALAM 1MALAYSIA DAN  
SALAM 1MOSTI.**

**1. SYUKUR KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN IZINNYA KITA DAPAT  
SAMA-SAMA BERKUMPUL PADA HARI INI BAGI MENJAYAKAN  
PERHIMPUNAN BULANAN YANG PERTAMA UNTUK TAHUN 2012. SAYA  
JUGA MENYEDARI BAHAWA INI MERUPAKAN PERHIMPUNAN BULANAN  
YANG DILAKSANAKAN SETELAH 3 BULAN KITA TIDAK DAPAT  
MELAKSANAKAN SEBARANG PERHIMPUNAN BULANAN DI ATAS  
FAKTOR KEKANGAN MASA MEMANDANGKAN JADUAL KESEMUA  
PENGURUSAN ATASAN MOSTI DIPENUHI DENGAN PELBAGAI KOMITMEN  
MESYUARAT DAN PROGRAM PADA OKTOBER HINGGA DISEMBER 2011.**

**2. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, SAYA INGIN MENGAMBIL  
KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT TAHUN BARU 2012  
KEPADA SELURUH WARGA MOSTI. TIDAK LUPA JUGA, SELAMAT  
MENYAMBUT TAHUN BARU CINA KEPADA SEMUA YANG MERAIKANNYA.  
SEMPENA PERMULAAN TAHUN BARU INI, MARILAH KITA SAMA-SAMA  
MENETAPKAN HALA TUJU DAN MATLAMAT, MEMPERBETULKAN MIND  
SET, MENGUATKAN ILTIZAM DAN TEKAD, SERTA MENINGKATKAN  
USAHA BAGI MEMASTIKAN PRESTASI DAN KUALITI KERJA DAPAT  
DIPERTINGKATKAN UNTUK MENGHARUNGI CABARAN DAN MENCAPAI  
SASARAN YANG DITETAPKAN.**

**KPI**

**3. SEPERTI YANG HADIRIN SEDIA MAKLUM, PADA SETIAP TAHUN,  
TERDAPAT KPI YANG PERLU DICAPAI OLEH KEMENTERIAN AMNYA**

DAN YBM SERTA KSU KHUSUSNYA. BAGI TAHUN 2012, KEMENTERIAN KINI SEDANG DALAM PROSES MEMUKTAMADKAN KESEMUA KPI INI DAN AKAN DIMAKLUMKAN KEPADA SELURUH WARGA MOSTI KELAK UNTUK MAKLUMAN DAN PERHATIAN BERSAMA. INI KERANA, MULAI TAHUN 2012, SETIAP KPI YBM DAN KSU ADALAH TERDIRI DARIPADA KPI SEMUA WARGA MOSTI BERMULA DARI TKSU, SUBK, SUB, DAN KESEMUA ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA. INI BERMAKNA, KESEMUA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN WARGA MOSTI MEMPUNYAI TANGGUNG JAWAB YANG LEBIH BESAR SEBAGAI PENYUMBANG KEPADA PENCAPAIAN KPI KEMENTERIAN PADA TAHUN INI. JUSTERU ITU, KOMITMEN DAN KERJASAMA DARI PIHAK SELURUH WARGA MOSTI ADALAH AMAT DITUNTUT. BAK KATA PEPATAH, YANG BERAT SAMA DIPIKUL, YANG RINGAN SAMA DIJINJING. BERSATU KITA TEGUH, BERCERAI KITA ROBOH. WALAU APAPUN JAWATAN HADIRIN SEKALIAN, PERCAYALAH, TANPA SUMBANGAN DAN KOMITMEN ANDA, MOSTI TIDAK AKAN BERJAYA MENCAPAI KESEMUA SASARAN YANG DITETAPKAN.

#### STAR RATING

4. PADA TAHUN 2011, MOSTI TELAH MENCAPAI KEJAYAAN MENJADI KEMENTERIAN PERTAMA DIBERI PENGIKTIRAFAN PENGANUGERAHAN 5S OLEH MAMPU. INI MEMBUKTIKAN TIADA YANG MUSTAHIL UNTUK DICAPAI DENGAN PERANCANGAN YANG RAPI, USAHA YANG BERSEPADU DAN KERJASAMA SELURUH WARGA MOSTI. JUSTERU UNTUK TAHUN 2012 INI, SASARAN KITA ADALAH BAGI MENCAPAI TARAF 5 BINTANG DALAM STAR RATING YANG AKAN DINILAI OLEH MAMPU PADA JUN INI. PERSEDIAAN RAPI SEDANG DILAKSANAKAN BAGI MEMASTIKAN MOSTI TIDAK LAGI BERADA DI TAKUK LAMA DENGAN MENCAPAI TARAF 4 BINTANG SAHAJA . SAYA PASTI, DENGAN SOKONGAN SERTA KOMITMEN YANG TIDAK BERBELAH BAHAGI DARI SELURUH WARGA MOSTI, MOSTI AKAN BERJAYA

MENCAPAI PENARAFAN 5 BINTANG PADA TAHUN INI. PERLU DIINGATKAN, PENCAPAIAN 5 BINTANG INI BUKANLAH UNTUK KEMEGAHAN ATAU KEJAYAAN DI ATAS KERTAS SAHAJA, IANYA MERUPAKAN SATU KAYU UKUR TERHADAP KEMAMPUAN TADBIR URUS MOSTI DAN KUALITI PERKHIDMATAN MOSTI KEPADA RAKYAT.

#### TAHUN SAINS & GERAKAN INOVASI NASIONAL 2012

5. TAHUN 2012 JUGA TELAH DIISYTIHARKAN SEBAGAI TAHUN SAINS NEGARA SEMASA MESYUARAT JEMAAH MENTERI PADA BULAN MEI 2011. SELAIN DARIPADA ITU, BAJET 2012 YANG TELAH DIBENTANGKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI PADA 7 OKTOBER 2011 TELAH MENGUMUMKAN TAHUN 2012 SEBAGAI TAHUN GERAKAN INOVASI NASIONAL SELARAS DENGAN FOKUS KEDUA BAJET IAITU “MENGUNGGULI MODAL INSAN, MENCERNA KREATIVITI DAN MENCETUS INOVASI”. BAGI TUJUAN TERSEBUT, KERAJAAN TELAH MEMPERUNTUKKAN SEBANYAK RM100 JUTA UNTUK PELAKSANAAN SECARA MENYELURUH YANG MELIBATKAN SEMUA KEMENTERIAN.

6. KEDUA-DUA INISIATIF INI TELAH DISEPADUKAN DAN DINAMAKAN TAHUN SAINS & GERAKAN INOVASI NASIONAL 2012 MELALUI KEPUTUSAN MESYUARAT MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI KE-113 PADA 11 OKTOBER 2011. TAHUN SAINS & GERAKAN INOVASI NASIONAL 2012 INI DITERAJUI OLEH MOSTI DENGAN KERJASAMA PELBAGAI KEMENTERIAN, JABATAN/AGENSI, PIHAK SWASTA DAN BADAN BUKAN KERAJAAN. PROGRAM INI BERTUJUAN UNTUK MENYEMARAKKAN SERTA MEMBUDAYAKAN SAINS DAN INOVASI DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA KE ARAH PENGHASILAN KEKAYAAN, PENJANAAN ILMU DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT. TEMA TAHUN SAINS DAN GERAKAN INOVASI NASIONAL 2012 (GSI2012) IALAH SAINS DAN INOVASI PEMACU TRANSFORMASI.

**7. SELARAS DENGAN HASRAT KERAJAAN UNTUK MEMBUDAYAKAN DAN MENGAMALKAN INOVASI DI SETIAP LAPISAN MASYARAKAT, SEMUA PIHAK PERLU MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING UNTUK MENCETUSKAN INOVASI DI DALAM EKOSISTEM EKONOMI SEDIA ADA. INI ADALAH KERANA INOVASI MERENTASI PELBAGAI BIDANG, PELBAGAI SEKTOR DAN LAPISAN MASYARAKAT. KERAJAAN PERCAYA MELALUI SAINS DAN INOVASI, AKAN DAPAT MEMACU TRANSFORMASI NEGARA. PADA TAHUN 2020, DIHARAP MALAYSIA AKAN MENJADI SEBUAH NEGARA INOVASI ATAU *INNOVATION NATION*.**

### **SBPA**

**8. SETERUSNYA, SEPERTI YANG HADIRIN SEDIA MAKLUM, OPSYEN SARAAN BARU PERKHIDMATAN AWAM (SBPA) MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2011 TELAH DIKELUARKAN PADA 7 DISEMBER 2011 DAN BERKUATKUASA MULAI 1 JANUARI 2012.**

**9. SECARA UMUMNYA, PEKELILING PERKHIDMATAN INI BERTUJUAN UNTUK MELAKSANAKAN SARAAN BARU PERKHIDMATAN AWAM (SBPA) BAGI SEMUA PEGAWAI LANTIKAN TETAP PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN YANG MELIBATKAN STRUKTUR PERKHIDMATAN YANG MERANGKUMI SKIM PERKHIDMATAN, SYARAT PERKHIDMATAN, GAJI, ELAUN, KEMUDAHAN, DAN FAEDAH PERSARAAN.**

**10. IANYA JUGA ADALAH MERUPAKAN SATU BENTUK PELAKSANAAN TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM MELALUI LIMA (5) INISIATIF IAITU PERKHIDMATAN AWAM YANG KEJAT (*LEAN CIVIL SERVICE*), KEPIMPINAN DINAMIK, MODAL INSAN BERKUALITI, PERKHIDMATAN AWAM YANG FLEKSIBEL DAN SARAAN YANG KOMPETITIF BAGI MEMASTIKAN KUALITI PERKHIDMATAN AWAM DI NEGARA KITA ADALAH BERKELAS DUNIA, MELANGKAUI EKSPEKTASI RAKYAT DAN**

**SETERUSNYA MEMBANTU KERAJAAN DALAM MENJAYAKAN SEMUA INISIATIF DAN DASAR YANG TELAH DITETAPKAN.**

**11. PADA AWALNYA, PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2011 MEMAKLUMKAN BAHAWA TEMPOH OPSYEN SBPA ADALAH 15 HARI IAITU MULAI 16 DISEMBER 2011 HINGGA 30 DISEMBER 2011. MANAKALA BAGI PENYANDANG YANG MENYANDANG JAWATAN YANG DIJADIKAN JAWATAN DALAM KUMPULAN PREMIER, OPSYEN HENDAKLAH DIBUAT DALAM TEMPOH 7 HARI MULAI 16 DISEMBER 2011 HINGGA 22 DISEMBER 2011. NAMUN BEGITU, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (JPA) MELALUI PORTAL RASMI JABATAN BERKENAAN PADA 23 DISEMBER 2011 MEMAKLUMKAN BAHAWA PELAKSANAAN OPSYEN SBPA AKAN DILANJUTKAN SEHINGGA 15 JANUARI 2012. NAMUN BEGITU, TEMPOH OPSYEN PERSARAAN PAKSA MASIH DIKEKALKAN SEHINGGA 30 DISEMBER 2011.**

**12. WALAU BAGAIMANAPUN, DENGAN MENGAMBIL KIRA MAKLUM BALAS SERTA RESPON DARI PENJAWAT AWAM, YAB PERDANA MENTERI TELAH MENGARAHKAN SEMAKAN SEMULA SARAAN BARU PERKHIDMATAN AWAM (SBPA) DILAKSANAKAN DALAM TEMPOH 3 BULAN. SEMAKAN SEMULA INI TIDAK MENJEJASKAN SBPA YANG DIKUATKUASAKAN PADA 1 JANUARI 2012.**

**13. SEBUAH PASUKAN PETUGAS TELAH DITUBUHKAN BAGI MELAKSANAKAN SEMAKAN SEMULA SBPA DENGAN MENGAMBIL KIRA PRINSIP-PRINSIP PERKHIDMATAN DAN SARAAN PERKHIDMATAN AWAM. IANYA DIPENGERUSIKAN OLEH YBHG. TAN SRI ISMAIL ADAM, MANTAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM BERDASARKAN PENGALAMAN BELIAU YANG LUAS DALAM HAL-HAL YANG BERKAITAN PERKHIDMATAN AWAM SETELAH MEMEGANG BEBERAPA JAWATAN PENTING DALAM PERKHIDMATAN AWAM.**

14. PASUKAN PETUGAS TERSEBUT DIANGGOTAI OLEH PEGAWAI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, JABATAN PEGUAM NEGARA, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN PRESIDEN KONGRES KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DALAM PERKHIDMATAN AWAM (CUEPACS) SERTA PEGAWAI KEMENTERIAN YANG BERKAITAN. PASUKAN PETUGAS TERSEBUT AKAN MENGADAKAN KONSULTASI DAN PERBINCANGAN DENGAN PIHAK-PIHAK BERKENAAN TERMASUK KESATUAN DAN PERSATUAN SEKERJA BAGI MENDAPATKAN ULASAN, PANDANGAN, SERTA CADANGAN SEMUA PIHAK DAN KUMPULAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM BAGI MEMASTIKAN SBPA INI DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BAIK DAN TIDAK MEMBERI KESAN NEGATIF KEPADA MANA-MANA PIHAK.

15. JUSTERU, SAYA INGIN MENYERU KEPADA SELURUH WARGA MOSTI, SEKIRANYA TERDAPAT SEBARANG ISU-ISU BERHUBUNG PELAKSANAAN SBPA YANG HENDAK DISALURKAN, BOLEHLAH IANYA DIALAMATKAN ATAU DIEMELKAN SEHINGGA 15 FEBRUARI 2012 KEPADA:

YBHG. DATUK FARIDA MOHD ALI,  
TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM,  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, ARAS 13,  
BLOK C1, KOMPLEKS C,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62510 PUTRAJAYA.

E-MEL: [farida.sbpa@jpa.gov.my](mailto:farida.sbpa@jpa.gov.my)

16. BAGI MEREKA YANG TELAH PUN BERSETUJU MEMILIH SBPA, OPSYEN TERSEBUT ADALAH KEKAL. BAGI MEREKA YANG BELUM MENGEMUKAKAN BORANG OPSYEN SBPA PADA TARIKH KENYATAAN MEDIA INI DAN MEREKA YANG TELAH MEMBUAT OPSYEN UNTUK TIDAK MEMILIH SBPA, BORANG OPSYEN YANG BARU AKAN DIKEMUKAKAN

SETELAH KEPUTUSAN MUKTAMAD KE ATAS SEMAKAN SEMULA ITU DIBUAT.

17. WALAU APA PUN KERAJAAN MEMBERI JAMINAN BAHAWA SBPA YANG TELAH DISEMAK SEMULA ITU ADALAH TERPAKAI KEPADA SEMUA PEGAWAI DAN TIDAK AKAN MENJADI KURANG BAIK (LESS FAVOURABLE) DARIPADA TERMA DAN SYARAT SBPA YANG TELAH DITAWARKAN TERDAHULU TERMASUKLAH KEMUDAHAN DAN GAJI.

JUSTERU ITU, SAYA AMAT BERHARAP AGAR WARGA MOSTI SEKALIAN AKAN DAPAT MENERIMA KEPUTUSAN YANG DITETAPKAN KERAJAAN SELEPAS SEMAKAN INI KELAK DENGAN PENUH RASIONAL DAN BUKAN EMOSIONAL. KERAJAAN BERUSAHA UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN DAN EKSPEKTASI SELURUH PENJAWAT AWAM BERDASARKAN KEMAMPUAN DAN KAPASITI KERAJAAN PADA MASA KINI. PERLU DIINGAT BAHAWA KEPUTUSAN YANG DIAMBIL DAN DITETAPKAN KELAK ADALAH BERDASARKAN PENDEKATAN HOLISTIK YANG TELAH DIAMBIL KIRA OLEH KERAJAAN.

#### STATUS PELAKSANAAN SBPA DI MOSTI

18. SECARA KESELURUHANNYA, BILANGAN BORANG OPSYEN YANG DIKELUARKAN OLEH MOSTI TERMASUK JABATAN DAN AGENSI DI BAWAHNYA BERJUMLAH 4,309 DI MANA 574 DARIPADANYA ADALAH DARIPADA IBU PEJABAT MOSTI. SEHINGGA 13 JANUARI 2012, SEMUA 574 PEGAWAI DI IBU PEJABAT MOSTI TELAH MENYERAHKAN SEMULA KEDUA-DUA BORANG OPSYEN SBPA DAN BORANG OPSYEN PERSARAAN PAKSA DAN SEMUANYA MEMILIH UNTUK BERSETUJU MENERIMA SBPA.

19. BAGI JABATAN/AGENSI DI BAWAH MOSTI, TERDAPAT SEMBILAN (9) DARIPADA 3,735 PEGAWAI TIDAK MENYERAHKAN SEMULA BORANG OPSYEN SBPA DAN BORANG OPSYEN PERSARAAN PAKSA BERIKUTAN KETIDAKHADIRAN PEGAWAI KE PEJABAT. MANAKALA BAKINYA 3,726

**PEGAWAI TELAH MENYERAHKAN SEMULA KEDUA-DUA BORANG OPSYEN BERKENAAN DAN MEMILIH UNTUK BERSETUJU MENERIMA SBPA.**

**20. AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENYERU KEPADA SELURUH WARGA MOSTI AGAR KITA SAMA-SAMA BERUSAHA KE ARAH YANG LEBIH BAIK UNTUK TAHUN BARU INI, SAMA ADA DARI ASPEK KERJAYA DAN PERIBADI. SUKA JUGA SAYA MENINGATKAN, DI SAMPING TUNTUTAN DAN KESIBUKAN KERJAYA, KESIHATAN DIRI YANG MERANGKUMI ROHANI DAN JASMANI JANGAN SEKALI-KALI DIABAIKAN. MARILAH KITA SAMA-SAMA BERDOA AGAR SEGALA USAHA DAN KEHIDUPAN KITA AKAN LEBIH DIRAHMATI DAN DIBERKATI ALLAH S.W.T.**

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

**ASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA**



